edisi BANDAR

MENGHASUT: DR M BERI AMARAN

KOTA BHARU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran tentang kemungkinan berlakunya huru-hara di negara ini berikutan kegiatan menghasut oleh setengah golongan supaya pasukan keselamatan bencikan kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan, golongan itu sengaja membangkitkan perasaan sakit hati di kalangan angkatan tentera dan polis seperti menimbulkan soal berkait dengan gaji supaya anggota pasukan keselamatan memberontak menentang kerajaan.

Berucap di majlis jamuan teh meraikan lawatan beliau ke Kelantan di kediaman Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah di Palm Manor di sini lewat petang ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Hasutan seumpama ini boleh membangkitkan perasaan benci dan mungkin menimbulkan keadaan yang tidak baik serta huru-hara,".

Beliau memberi amaran, sekiranya berlaku huru-hara, negara akan hancur dan ia tidak mungkin dapat dikawal dengan mudah.

Katanya, ini pernah berlaku di negara-negara yang terlibat dalam revolusi dan akhirnya negara itu terus menerus bergolak.

Dengan demikian, tegasnya, orang-orang yang menjaga keamanan tidak harus digoreskan mereka sehingga boleh mencetuskan huru-hara.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan mensifatkan kegiatan yang cuba menimbulkan perasaan sakit hati di kalangan rakyat sebagai perbuatan yang tidak bertanggungjawab disamping mereka yang menggunakan agama Islam untuk mengelirukan rakyat.

Katanya, untuk mendapat sokongan rakyat janganlah memutar belitkan keadaan.

"UMNO sebagai sebuah parti mahu mendapatkan kuasa secara halal dan bukan secara memutar belitkan tafsiran Al-Quran seperti dilakukan oleh setengah-setengah pihak," jelasnya.

Menyentuh tentang dakwaan ahli-ahli PAS bahawa orang UMNO adalah najis sehingga tempat duduk mereka perlu disamak, Perdana Menteri berkata: "Yang menghairankan saya pencen yang diterima oleh tokoh-tokoh PAS tidak pula payah disamak.

"Agaknya kalau wang itu diberikan kepada tokoh PAS berkenaan wang itu bukan najis, tetapi bila menolong orang miskin, semua perkara adalah najis dan haram," katanya disambut gelak-ketawa oleh lebih 1,000 orang yang hadir.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menggesa parti komponen Barisan Nasional meneruskan konsep kerjasama antara parti yang dijalankan sekarang.

Katanya, konsep kerjasama di kalangan parti komponen telah memberi faedah kepada rakyat negara ini meskipun kita punyai perbezaan pendapat dalam setengah-setengah perkara.

"Melalui konsep ini , kita telah mencapai kemerdekaan melalui Perikatan dan juga mencapai kemakmuran di kalangan rakyat melalui Barisan Nasional," terang beliau.

Beliau mengingatkan jika konsep kerjasama ini tidak diteruskan ia hanya akan menguntungkan parti pembangkang kerana mereka suka parti-parti komponen Barisan Nasional berpecah.

Berucap ketika melawat tapak Pelabuhan Kecil Kemasin, 20 kilometer dari sini beliau berkata, projek yang dijalankan itu bukan untuk menyusahkan orang ramai, sebaliknya untuk menolong rakyat negeri yang termundur.

Beliau berkata, dalam proses ini rakyat perlu berkorban seperti membenarkan pengambilan tanah untuk meneruskan projek yang sangat berfaedah itu.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia